

U GB 18-07 00184 BA750

Aab

Mahathir - Kanak-kanak

KUALA LUMPUR, 18 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan akan mengutamakan pembangunan kanak-kanak yang seimbang daripada segi fizikal, mental dan kerohanian termasuk nilai moral, etika dan sikap, sebagai sumber manusia yang terpenting untuk negara.

Perdana Menteri berkata semua golongan kanak-kanak akan diambil kira dalam perancangan itu dengan perhatian khusus diberi kepada yang kurang bernasib baik, iaitu kanak-kanak yang kekurangan dan malang.

+Kanak-kanak merupakan kekayaan negara dan kekayaan keluarga. Oleh kerana kanak-kanak merupakan aset tertinggi dan golongan yang sangat +vulnerable+, mereka memerlukan perhatian dan jagaan yang istimewa,+ katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berucap pada upacara menandatangani Deklarasi Sedunia Mengenai Kehidupan, Perlindungan dan Kemajuan Kanak-Kanak di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Katanya, kanak-kanak perlu dilengkapi dengan pendidikan, kemahiran serta nilai hidup positif sebagai +bakal generasi muda yang akan menggantikan tempat kita pada masa hadapan+.

Beliau berkata melalui Dasar Pembangunan Negara (DPN), kerajaan akan merangka dasar-dasar, strategi dan program untuk meningkatkan pembangunan kanak-kanak dan belia sebagai sumber kemanusiaan yang terpenting. -- Lagi.

♥18/07/11-44MST

CNS4114

R GB 18-07 00186 BA753

Aab

Mahathir - Kanak-Kanak 2 Kuala Lumpur

Perdana Menteri juga berkata Malaysia akan menyediakan rangkaian Pelan Tindakan Kebangsaan sebelum hujung tahun ini bagi melaksanakan komitmen yang terkandung dalam deklarasi berkenaan.

Mesyuarat peringkat tinggi mengenai pelan itu dipengerusikan oleh isteri Perdana Menteri Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata kadar kenal huruf di negara ini telah meningkat daripada 66 peratus pada tahun 1970 kepada kira-kira 79 peratus pada tahun lepas manakala kadar kematian bayi menurun daripada 39.4 bagi setiap 1,000 kelahiran hidup pada 1970 kepada 13.5 bagi tahun 1990.

Katanya, sungguhpun penyakit sosial di negara ini belum mencapai tahap yang genting seperti di negara lain, tindakan pencegahan awal perlu diambil sebelum masalah sosial yang besar melanda kanak-kanak dan merosakkan jiwa dan kehidupan mereka.

Penyakit sosial itu termasuklah penderaan kanak-kanak, eksploitasi kanak-kanak, masalah kanak-kanak jalanan, perniagaan bayi, masalah remaja dan belia seperti penjenayahan, pengambilan arak, merokok dan dadah, gangguan mental dan membunuh diri akibat tekanan hidup, penyakit AIDS dan masalah kanak-kanak yang menjadi yatim akibat AIDS. -- Lagi.

♥18/07/12-23MST

U GB 18-07 00172 BA755

Aab

Mahathir - Kanak-kanak 3 Kuala Lumpur

Katanya, Malaysia bertuah kerana tidak ditimpa keadaan teruk yang mengakibatkan kanak-kanak dalam keadaan kesukaran seperti peperangan, gempa bumi, ribut taufan, kelaparan dan ketiadaan makanan.

+Kita perlu bersyukur kanak-kanak kita tidak perlu tinggal di tepi jalan atau dijual untuk pemindahan organ,+ tambahnya.

Beliau berkata semua program yang melibatkan kanak-kanak bukan sahaja diteruskan malah ditambah dalam lima tahun yang lepas seperti program pelalian Hepatitis B dan Rubella yang menelan belanja \$20 juta serta program pembasmian kemiskinan yang menelan belanja \$315 juta.

Malaysia juga sedia bekerjasama pada peringkat antarabangsa untuk memudahkan pelaksanaan usaha sedunia mengenai kehidupan, perlindungan dan kemajuan kanak-kanak, khususnya bagi negara yang kurang maju, kata beliau.

Ketika bercakap kepada pemberita kemudian, Datuk Seri Dr Mahathir berkata Pelan Tindakan Kebangsaan akan menumpukan kepada kebajikan kanak-kanak terutama mereka yang didera dan miskin.

Katanya, kerajaan akan memberi perhatian terhadap penyakit AIDS agar ia tidak merebak ke negara ini secara meluas terutama di kalangan kanak-kanak.
-- Lagi.

♥18/07/12-44MST

CNS4144

U GB 18-07 00128 BA756

Aab

Mahathir - Kanak-kanak 4 Kuala Lumpur

Datuk Seri Dr Mahathir kini merupakan antara 71 ketua kerajaan yang telah menandatangani deklarasi itu sejak Sidang Kemuncak Sedunia Mengenai Kanak-Kanak di New York pada 30 Sept lepas.

Upacara menandatangani oleh Perdana Menteri itu disaksikan oleh Timbalan Pengarah Tabung Kanak-Kanak Bangsa-Bangsa Bersatu Dr Richard Jolly dan sekumpulan kanak-kanak.

Datuk Seri Dr Mahathir dan Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah kemudian memotong kek dan masing-masing membahagikan sekeping kek kepada seorang kanak-kanak perempuan dan seorang lelaki.

Yang hadir sama pada majlis itu ialah Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat Datuk Napsiah Omar, Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi Datuk Mohd Sheriff Mohd Kassim serta kanak-kanak sekolah dan ibu bapa. -- Bernama.

♥18/07/12-48MST